




PERSATUAN SEJARAH
MALAYSIA

KDN. 7890

KELUARAN 12 1987
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



KANDISIKAH

PERSEMBAHAYA

1. Sejarah Lawyan ke Kampung Lukut Oleh: Dr. Ngah. Cheah Sook Zin	9
2. Kedur Air Oleh: Yaakub Idrus	36
3. Terengganu Parlimbangga Adat Oleh: Yaakub Idrus dan Norzali Ismail	47
4. Perantauan Adat Melayu di Cirebon Oleh: Dr. Zaini bin Salleh (Gaduh)	57
5. Drama Sejarah "Jipu" Tepaknya Putera Limk Karya: Oprelimku 1. Mohd Yusri b. Mohd Said 2. Bordini b. Bordini 3. Nordin bin	63
6. Adat Berbari ("") Oleh: Enam Abdul Hadi	77
7. Sejarah Elanggang Meningkah Dengan Negeri Sembilan Oleh: Mohd. Hisham Tamir	93
8. Data Bandar Tunugol Oleh: Mohd Zahid b. Md. Amin	100

**SIDANG REDAKSI "WARISAN".
JURNAL SEJARAH, PERSATUAN
SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN.**



Dari kiri: Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC, PJK.
Encik Hashim bin Jasa, AMN, PJK.
Puan Hajah Aishah bt. Md. Sharif, PJK.


"Warisan" adalah Jurnal Sejarah tahunan yang diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan. Jurnal ini memuatkan hasil-hasil penyelidikan dan kajian mengenai bahan-bahan Sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial dan ekonomi serta politiknya.

Pendapat-pendapat dan saranan yang terkandung di dalam artikel yang dimuatkan di dalam Jurnal ke 12 ini, tidaklah semestinya merupakan pendapat-pendapat atau buah fikiran Sidang Pengarang atau Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan.

"Warisan" mengalu-alukan sumbangan artikel berbentuk sejarah untuk penerbitan seterusnya. Alamatkanlah artikel tuan-tuan dan puan kepada:

Sidang Redaksi,
Jurnal Warisan,
Persatuan Sejarah Malaysia,
Cawangan Negeri Sembilan,
d/a Jabatan Pendidikan N.S.,
70604 Seremban.

(U.P. Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC, PJK).



**Y.A.B. DATO' HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI
ABDUL SAMAD D.S.N.S., P.M.C.
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN.**

Telefon: Seremban 722421 & 722311
PEJABAT MENTERI BESAR,
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI,
70502 SEREMBAN



فجایة من تری بسر
نگاری سنبیان

MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN

KATA-KATA ALUAN

Penerbitan Kali Ke 12 Majalah Warisan membuktikan bahawa majalah berunsurkan sejarah ini mendapat sambutan daripada masyarakat terbanyak.

Ia juga membuktikan kemampuan sidang pengarang menerbitkan majalah yang dipenuhi dengan pengetahuan akademik khususnya mengenai sejarah.

Sehubungan dengan itu, suka saya mempelawa lebih ramai ahli penulis tempatan menyokong ke arah penerbitan majalah ini supaya dapat kita paparkan kepada orang ramai perjalanan sejarah negeri kita. Saya yakin masih banyak lagi unsur-unsur sejarah yang belum diketengahkan.

Oleh itu saya percaya mereka yang berpengetahuan tentang latar belakang sejarah satu-satu kawasan atau mukim di negeri ini akan dapat memberikan kerjasama kepada para penulis untuk dibukukan.

Sekian dan di atas kerjasama semua pihak yang menjayakan penerbitan Warisan Ke 12 saya ucapkan berbanyak terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dato' Haji Mohd Isa Bin Dato' Haji Abdul Samad". The signature is fluid and cursive, with a vertical line extending upwards from the top of the letter "I" in "Haji".

(DATO' HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD)

DARI MEJA PENGARANG



Assalamualaikum
warahmatullahiwabarakatuh

Jurnal Warisan, mutiara kesayangan ahli-ahli sejarah, khasnya ahli-ahli Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan terbit lagi menemui tuan-tuan dan puan-puan.

Usaha penerbitannya bukan sahaja membuka era sejarah Negeri Sembilan dalam menyingkap peristiwa-peristiwa yang banyak terpendam bahkan ia juga memberi peluang kepada penulis-penulis yang berminat di bidang sejarah, mengkaji dan menyelidik seterusnya nemaparkan kepada umum karya-karya mereka. Hasil karya mereka nanti bukan sahaja menjadi tatapan, tetapi ianya akan menjadi bahan kajian yang penting untuk generasi di hari muka.


Masyarakat Melayu Negeri Sembilan, adalah masyarakat yang kaya dengan adat dan tradisi yang unik, contohnya seperti ‘Adat Berpuar’ yang ditulis oleh Encik Ismail bin Abdul Hadi, satu-satunya adat yang hampir lenyap ditelan masa. Ada banyak lagi ciri-ciri masyarakat tradisional yang patut diselidiki dan ditulis untuk menjadi warisan budaya negara kita. Penyelidikan melalui lawatan juga harus digalakkan, seperti artikel yang ditulis oleh Encik Yaakub bin Idrus, ianya patut menjadi contoh kepada anak-anak muda kita yang rajin mengembara dan menyelidik. Guru-guru seharusnya melakukan sesuatu yang positif ke arah ini.

Keluaran kali ini juga memuatkan karya hasil dari pertandingan Drama Sejarah antara sekolah-sekolah Menengah di Negeri Sembilan. Penulisan Sejarah berbentuk drama mempunyai dua fungsi iaitu sebagai pengantar fakta sejarah di samping ianya merupakan satu karya seni. Pertandingan ini diadakan utnuk menggalakkan pelajar-pelajar berminat dalam disiplin sejarah.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga, saya tujukan kepada saudara-saudara penulis dalam ‘Warisan’ keluaran ini, seterusnya ‘WARISAN’ memerlukan sumbangan berlanjutan daripada setiap individu yang cintakan sejarah bangsa dan negara, khasnya Sejarah Negeri Sembilan.

Sekian.

Wabillahitaufik-walhidayah.



HASHIM BIN JASA AMN, PJK
Pengarang Kehormat,
Majalah Warisan Ke 12

**SENARAI NAMA JAWATANKUASA
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
1987**

Yang Di Pertua	:	Y.A.B. Dato' Haji Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad, DSNS., PMC. (Menteri Besar, Negeri Sembilan).
Naib Yang Di Pertua	:	Encik Abdul Rahman bin Mohd. Ali, KMN., ASK.
Setiausaha Kehormat	:	Encik Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.
Pen. Setiausaha Kehormat	:	Encik Mazlan bin Abdullah, AMN., PJK.
Bendahari	:	Encik Tan Ghee Peng, AMN.
Ketua Pengarang	:	Encik Hashim bin Jasa AMN, PJK.
Ahli-ahli Jawatankuasa	:	Tuan Haji Hisham bin Omar, PJK.
	:	Tuan Haji Sulaiman Samad, PJK.
	:	Datuk Mohd. Sharif bin Fakkeh Hasan, PPN., PMC., PKL., PJK.
	:	Encik Zainal Abidin bin Yusuf PPB., PMC.
	:	Tuan Haji Husain bin Salleh.

SEJARAH HUBUNGAN MINANGKABAU DENGAN NEGERI SEMBILAN

Oleh: (*Mohd Hisa Tahat*)

Penyebaran penduduk dan perkembangan kebudayaan Minangkabau ke Alam Melayu bermula dari Pariangan Padang Panjang yang menjadi Tampuk Alam Minangkabau.

Perantauan Orang Minangkabau membuka/meneroka ke Tanah Semenanjung menurut perkiraan sepanjang bukti yang ada baik di Negeri Sembilan maupun di Minangkabau dapat di duga telah bermula pada abad ke 15 masehi melalui rantau atau luak nan tiga Tiku Pariaman, Padang Salapan dan Bandar Sapuluah. Manakala Rantau nan tiga Kabung Air ialah Sungai Tanang - Batang Kampar, Batang Kuantan, serta Seliliran sungai Rokan, Tapuang Kanan, Tapuan Kiri hingga Rambah dan Tambusai.

Melalui Sungai Rokan, Rambah dan Tambusai melintasi Selat Melaka menuju bahagian barat Semenanjung seperti Perak, Selangor dan Kedah. Manakala melalui Sungai Kuantan Batang Hari, dan Batang Kampar menuju ke bahagian Johor, Pahang, Trengganu dan Negeri Sembilan.

Menurut catatan Tok Batin Malingkar Alam di Pasir Besar, Ulu Muar Negeri Sembilan ditinggalkan 4 suku dan Empat Undang. Suku Biduanda yang hingga kini menjadi suku yang tertua di Negeri Sembilan berasal dari keturunan campuran antara pendatang dari Minangkabau

dengan penduduk asli (Jakun/Sakai) mengambil suku Biduanda. Ternyata Suku Undang Empat di Negeri Sembilan adalah Biduanda.

Dari catatan tersebut diatur pula 12 suku di Negeri Sembilan mengambil sempena dari 4 suku, 4 undang dan 4 raja yang ditinggalkan iaitu:

- | | |
|---------------------|---------------------------------|
| 1. Suku Biduanda | 7. Suku Payakumbuh |
| 2. Suku Batu | 8. Suku Tiga Batur |
| 3. Suku Tanah Datar | 9. Suku Tiga Meneka |
| 4. Suku Simalenggan | 10. Suku Silemak
Minangkabau |
| 5. Suku Batu Belang | 11. Suku Silemak
Pahang |
| 6. Suku Mungkal | 12. Suku Anak Aceh |

Ternyata nama-nama suku tersebut adalah nama-nama negeri luak nan tigo di Minangkabau. Adat yang dipakai adalah disebut Adat Perpatih dan perlakuan serta bahasa yang dipakai banyak sekali kesamaan seperti yang terdapat di Tanah Minangkabau.

Dengan wujudnya penempatan orang-orang keturunan Minangkabau maka berkembang suburlah budaya warisan dari Tanah Minang dengan bersendikan Adat Perpatih yang diamalkan sebagai cara hidup oleh orang-orang berketurunan Minang di Negeri Sembilan.

Negeri Sembilan adalah nama yang wujud berasaskan daripada 9 buah negeri yang bernaung di bawah kerajaan Johor, Negeri-negeri tersebut ialah:-

1. Naning
2. Segamat
3. Rembau
4. Pasir Besar (Ulu Muar)
5. Johol
6. Jelebu
7. Sungai Ujung
8. Kelang
9. Jelai

Apabila kerajaan Johor menghadapi ancaman musuh dari luar dan Negeri Sembilan sendiri menghadapi ancaman lanun yang memerlukan perlindungan dan bantuan. Manakala Johor sendiri tidak dapat berbuat apa-apa lalu melepaskan ketuanannya terhadap 9 buah negeri tadi. Pembesar-pembesar dari sembilan buah negeri ini bermuafakat untuk memanggil seorang anak raja dari Pagar Ruyung untuk dijadikan raja di Negeri Sembilan yang merdeka. Sementara itu tiga daripada 9 buah negeri yang asal itu keluar dari ikatan Negeri Sembilan yang mempunyai raja keturunan dari Pagar Ruyung. Negeri yang keluar dari ikatan tersebut ialah:

1. Segamat terus masuk dalam pemerintah Johor
2. Naning pada mulanya mahu bersendirian tetapi akhirnya terpaksa masuk di bawah naungan Melaka
3. Kelang bersatu dengan Selangor

Manakala Tampin di dalam Luak Rembau diwujudkan kemudian dengan pemerintahannya sendiri. Tetapi masih di dalam ikatan Negeri

Sembilan.

Anak Raja yang pertama dijemput untuk menerajui Negeri Sembilan ialah Raja Mahmud bergelar Raja Melewar. Sebelum Raja Melewar berangkat ke Negeri Sembilan baginda terpaksa menjalani ujian dan latihan untuk menjadi raja. Ujian yang terpaksa dijalani oleh baginda ialah ujian fizikal dan ujian kebatinan dari daulat Pagar Ruyung dengan tidur semalam di atas batu kasur beralaskan daun jelatang niru bertempat di bawah pohon beringin tiga sakti di Gudam Balai Janggo dalam Kota Pagar Ruyung di bawah Bukit Batu Patah dengan penuh adat istiadat di Raja.

Raja Melewar lulus ujian, maka barulah dilepaskan oleh Ayahanda baginda Tuanku Yang Di Pertuan Abdul Jalil Johan Berdaulat Raja Alam Minangkabau waktu itu berlepas ke Negeri Sembilan, dengan membawa sehelai rambut gombak di kepala Yam Tuan Abdul Jalil. Di Istana Besar Seri Menanti masih tersimpan rambut tersebut dan menjadi kebesaran Kerajaan ‘Rambut Sehelai Sebat’.

Raja Melewar ditabalkan di Penajis Rembau dan kemudian bertakhta di Seri Menanti di bawah Bukit Gitam Seri Indera pada tahun 1773 Masehi. Raja Hitam adalah anak Raja Kedua dijemput dari Pagar Ruyung bertarikh tahun 1798 - 1808 Masehi. Kemudian diikuti oleh Raja Lenggang dijemput dari Pagar Ruyung bertarikh 1808 - 1824 masehi.

Manakala pemerintah seterusnya ialah Raja Radin anak Yam Tuan Lenggang tidak dijemput dari Minangkabau yang bertakhta 1824 - 1861 (Minangkabau dewasa ini menghadapi kekacauan pada tahun 1804 di mana berlakunya pembunuhan dan pembakaran Istana Pagar Ruyung). Atas faktor ini kemungkinan Negeri Sembilan tidak dapat menjemput anak raja Minangkabau seterusnya untuk menerajui Negeri Sembilan tetapi melantik

anak raja yang memerintah itu sendiri untuk menggantikan raja yang mangkat.

Keturunan anak-anak raja Minangkabau Negeri Sembilan selepas Yam Tuan Radin adalah seperti berikut:-

1. Yam Tuan Imam anak Raja Radin 1861 - 1869M
2. Tuanku Puan Intan (Pemangku) Janda Raja Radin 1869 - 1972M
3. Yam Tuan Antah adik Yam Tuan Imam 1872 - 188M
4. Tuanku Muhamad Anak Yam Tuan Antah 1888 - 1923M
5. Tuanku A. Rahman anak Tuanku Muhamad 1923 - 1967M
6. Tuanku Munawir anak Tuanku A. Rahman 1960 - 1967M
7. Tuanku Jaafar adik Tuanku Munawir 1967 sampai sekarang

SEJARAH RAJA MINANGKABAU DI PAGAR RUYUNG

Yang Di Pertuan Abdul Jalil Johan Berdaulat Sultan Alam Minangkabau bertakhta 1719 - 1780M. Yam Tuan Basusu Ampok anak Yang Di Pertuan Abdul Jalil Johan Berdaulat bertakhta 1780 - 1798M. Yam Tuan Bawang Raja Alam Minangkabau Sandar Yang Di Pertuan Basusu Ampek bertahta 1798 - 1803M.

Yang Di Pertuan Hitam Raja Alam Bergegar Syah Johan Berdaulat, Cucu kepada Basusu Ampek bertakhta tahun 1804 - 1840M ialah Raja terakhir Alam Minangkabau dan mangkat dalam pembuangan. Adinda dimakamkan di Mangga Dua Tanah Abang di Betawi (Jakarta). Pemerintah Indonesia kemudian mengisytiharkan Raja Johan Berdaulat sebagai pahlawan Nasional dan makamnya dipindahkan ke makam Pahlawan

Kalibata dalam tahun 1978. Batu Nisan dan Sekepal Tanah Pusara dibawa balik ke Pagar Ruyung dan sekarang disimpan oleh Ahli Waris (Tuan Gadis Dismah).

Sejak mangkatnya Yang Di Pertuan Raja Alam Bergegar Syah Johan Berdaulat, tidak ada lagi Raja Alam Minangkabau yang ditabalkan hingga kini. Istana pun telah habis dibakar dan segala peralatan dan kekayaan istana telah diambil oleh pemerintah Belanda ketika itu.

Alam Minangkabau tiada beraja lagi, tetapi di Negeri Sembilan ada beraja yang berketurunan dari Pagar Ruyung. Walaupun tiada beraja untuk menjadi tunggak dan payung rakyat namun Adat Minangkabau hidup subur dengan pimpinan penghulu dalam Wadah Kerapatan Adat Negeri.

Walau bagaimanapun kedua-dua belah pihak rakyat Minangkabau dan Negeri Sembilan sentiasa mengekalkan adat dan budaya yang datangnya dari rumpun yang sama. Kunjung-mengunjung antara kedua belah pihak sama ada di peringkat pemimpin maupun rakyat biasa, sentiasa berlaku dan tidak dapat diputuskan kerana hubungan keturunan dan darah yang sama. Dengan landasan inilah pada 6hb. Disember, 1986 maka berlaku peristiwa bersejarah antara rakyat Negeri Sembilan dengan rakyat Minangkabau di mana berlakunya pengisytiharan Bandar Kembar Seremban - Bukit Tinggi ditandatangani oleh kedua belah pihak pemerintah. Semoga dengan termaktubnya pengisytiharan ini maka bertambah rapat dan mesra lagi rakyat kedua belah pihak yang mendiami rantau yang berlainan tetapi berasal daripada rumpun yang sama.